

05/09/1999

Peluang Alex sertai F1

Hussain Said

KETIKA masih bergelut untuk memulihkan kembali ligamen lutut kirinya yang terkoyak, Alexander Yoong harus masih mampu bergembira apabila kemungkinan diserapkan sebagai pelumba dalam pasukan Formula Satu (F1) Red Bull Sauber Petronas.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata dia sudah mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua minggu lalu.

"Dua atau tiga minggu lalu, saya ada mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya pelumba harapan itu diserapkan sebagai pelumba dalam pasukan F1 Sauber Petronas.

"Langkah itu bertujuan membolehkannya mendapat pendedahan awal sebelum berlumba dalam perlumbaan berprestij itu, sekurang-kurangnya dua tahun lagi.

"Lagipun, langkah itu akan menjimatkan pembiayaan RM14 juta yang diperlukannya sekarang untuk berlumba serta mencapai taraf sebagai pelumba F1," katanya selepas pelancaran Karnival Sukan Untuk Semua (Kesuma Kedua) oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Minggu lalu, ligamen lutut kiri pelumba berusia 23 tahun itu disahkan terkoyak tetapi semangat dan kecekalannya - yang terselamat dalam kemalangan ketika berlumba di Belgium minggu lalu - kekal utuh.

Malah, pelumba harapan Malaysia itu sudah berkira-kira untuk kembali berlumba dalam Formula F3000 Antarabangsa FIA di Litar Nurburgring, Jerman, 25 September ini.

Ketika perlumbaan Formula 3000 di Litar Spa-Francorchamps Belgium itu, kereta Lola Zytek pasukan Monaco Motorsport yang dipandu Alex dilanggar pemandu Britain, Justin Wilson, di jalan lurus Eau Rouge, kawasan paling laju di litar itu.

Kereta Alex terbabas dan terlanggar tembok pada kelajuan 260km/j menyebabkan dia tidak sedarkan diri dan terpaksa dirawat oleh doktor bertugas ketika perlumbaan Formula 1 Belgium sebelum dihantar ke Hospital Leige berhampiran litar itu.

Menurut Muhyiddin, bagaimanapun, pihaknya kini menanti reaksi syarikat konglomerat itu untuk memberi kata putus mengenai cadangan itu.

Katanya, ada kemungkinan senarai pemandu pasukan Red Bull Sauber Petronas itu dirombak dan Petronas, yang menjadi salah satu penaja pasukan, mungkin menimbang untuk memberi peluang kepada Alexander berlumba dalam F1.

"Mungkin ini bukan masa yang sesuai, tetapi dalam masa dua tahun lagi Alexander mungkin sudah bersedia. Bagaimanapun, kita masih menunggu reaksi positif syarikat itu," katanya.

(END)